

Utusan Malaysia April 2019

| Bil. | Tarikh | Tajuk Berita | Catatan | Muka Surat |
|------|---------------|--|---|------------|
| 1. | 1 April 2019 | SPRM tahan Setiausaha Politik | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 3 |
| 2. | 3 April 2019 | Datuk Seri didakwa | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 4 |
| 3. | 3 April 2019 | Terowong dasar laut: Datuk Seri mengaku tidak bersalah | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 5 |
| 4. | 4 April 2019 | Setiausaha Politik menteri dibebaskan reman lebih awal | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 7 |
| 5. | 5 April 2019 | SPRM Cawangan Klang kesan lelaki berhubung tuntutan palsu | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 9 |
| 6. | 5 April 2019 | Bekas Penolong Eksekutif Felcra Changkat Jong direman | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 10 |
| 7. | 9 April 2019 | Tuntutan palsu: Pengarah Bahagian JPNIN, 3 direman | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 11 |
| 8. | 10 April 2019 | Pembantu kesihatan mengaku tidak bersalah tipu OT | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 13 |
| 9. | 10 April 2019 | Tuntutan palsu RM261,000, penolong pengurus direman | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 14 |
| 10. | 11 April 2019 | Ambil rasuah untuk bercuti bersama rakan | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 15 |
| 11. | 11 April 2019 | Dua direman seleweng peruntukan Sukma 2018 | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 17 |
| 12. | 11 April 2019 | Selepas penolong pengurus direman, sub kontraktor pula direman hari ini | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 18 |
| 13. | 11 April 2019 | Rasuah rumah urut: Bekas pegawai MPKj didakwa | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 19 |
| 14. | 12 April 2019 | Dua didakwa terima suapan | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 20 |
| 15. | 16 April 2019 | Timbalan pendaftar universiti, pensyarah kolej, pengarah syarikat direman | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 22 |
| 16. | 16 April 2019 | Pengerusi sebuah koperasi Perlis bersama dua individu ditahan kes tuntutan palsu | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 23 |
| 17. | 17 April 2019 | Perbincangan hari keempat Najib Razak | Syarikat SRC International Sdn. Bhd | 25 |
| 18. | 17 April 2019 | Rasuah dalam konteks perolehan | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 30 |

| Bil. | Tarikh | Tajuk Berita | Catatan | Muka Surat |
|------|---------------|--|---|------------|
| 19. | 17 April 2019 | Lans koperal dihukum penjara, denda dan sebat salah guna kad minyak | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 33 |
| 20. | 21 April 2019 | Dua ditahan terlibat kes tuntutan palsu berjumlah RM165,834 | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 35 |
| 21. | 21 April 2019 | SPRM rayu keputusan pembebasan Abdul Latif | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 36 |
| 22. | 22 April 2019 | 3 kakitangan JKR Kedah, kontraktor ditahan bantu siasatan tuntutan palsu | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 38 |
| 23. | 29 April 2019 | Suami, isteri direman salah guna kuasa | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 40 |
| 24. | 30 April 2019 | Bekas pegawai khas menteri direman tiga hari | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 41 |
| 25. | 30 April 2019 | Dua direman sahkan projek tidak ikut spesifikasi | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) | 42 |



1. SPRM tahan Setiausaha Politik

PUTRAJAYA 1 April - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini menahan seorang Setiausaha Politik kerana disyaki menerima suapan berbentuk seutas jam tangan dianggarkan bernilai kira-kira RM28,000.

Menurut sumber, lelaki berusia 47 tahun tersebut ditahan kira-kira pukul 5 petang di Ibu Pejabat SPRM di sini ketika hadir memberi keterangan.

Siasatan awal mendapati lelaki terbabit dipercayai menerima jam tangan mewah itu sebagai dorongan membolehkan sebuah syarikat pembangunan mendapatkan projek-projek di bawah kelolaan sebuah kementerian.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut.

Katanya, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009 dan SPRM akan mendapatkan perintah tahanan reman terhadap suspek pagi esok di Mahkamah Majistret di sini.

2. Datuk Seri didakwa



AZAM BAKI

KUALA LUMPUR 2 April - Seorang ahli perniagaan bergelar Datuk Seri akan didakwa di mahkamah esok kerana dipercayai menerima wang berjumlah RM19 juta bagi menutup siasatan projek mega terowong dasar laut yang bernilai RM6.3 bilion di Pulau Pinang.

Sumber berkata, pada Februari 2018, lelaki berusia 38 tahun itu telah ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana menerima wang berkenaan daripada syarikat pembinaan utama projek terbabit selepas dikatakan mampu menyelesaikan siasatan dijalankan SPRM.

"Pihak syarikat berkenaan membayar wang berjumlah RM19 juta itu secara berperingkat sekitar Julai dan Ogos 2017.

"Pembayaran pertama berjumlah RM2 juta dibuat pada Julai 2017 manakala bayaran kedua sebanyak RM15 juta pula dibuat pada bulan sama," jelasnya.

Menurutnya, baki sebanyak RM2 juta pula dibayar pada Ogos 2017 dan kesemua pembayaran tersebut dilakukan di sekitar Lembah Klang.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan perkara tersebut.

Tambahnya, suspek akan berdepan dengan tiga pertuduhan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan pertuduhan akan dibuat di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada pukul 9 pagi esok.

3. Terowong dasar laut: Datuk Seri mengaku tidak bersalah



AHLI perniagaan **M. G. Gnanaraja, 38**, didakwa di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tiga pertuduhan menerima rasuah RM19juta bagi menutup menutup siasatan projek mega terowong dasar laut di Pulau Pinang yang bernilai RM6.3 bilion, dua tahun lalu.

SHAH ALAM 3 April - Seorang ahli perniagaan bergelar Datuk Seri dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tiga pertuduhan menipu dengan nilai berjumlah RM19juta bagi tujuan membantu menutup siasatan projek mega terowong dasar laut di Pulau Pinang yang bernilai RM6.3 bilion dua tahun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, **M. G. Gnanaraja, 38**, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut semua pertuduhan, tertuduh memakai kot telah memperdayakan seorang pengarah syarikat sebanyak RM19juta bagi menutup siasatan yang dilakukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dibawah Akta Pencegahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Wang Haram 2001.

Kesemua wang tersebut secara berperingkat sebanyak tiga kali bermula Julai dan Ogos 2017 di sebuah hotel di Damansara dan CIMB cawangan KLCC.

Sehubungan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun, sebatan dan denda jika disabitkan kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Datuk Umar Saifudin Jaafar menawarkan jaminan RM100,000 bagi semua pertuduhan dengan seorang penjamin dan pasport antarabangsa diserahkan kepada mahkamah.

Tertuduh diwakili peguam Datuk *Geethan Ram* tidak membantah cadangan tersebut.

Mahkamah kemudiannya menetapkan tertuduh diikat jamin RM100,000 bagi semua pertuduhan dengan seorang penjamin dan pasport antarabangsa diserahkan kepada mahkamah serta menetapkan sebutan semula kes pada 6 Mei hadapan.

4. Setiausaha Politik menteri dibebaskan reman lebih awal

Politik kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani direman empat hari berhubung dakwaan menerima suapan berbentuk jam tangan dianggarkan bernilai RM28,000.

Majistret Ahmad Asyraf Mohamad Kamal membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menahan reman lelaki berusia 47 itu sehingga Jumaat ini.

Terdahulu, lelaki itu tiba di Mahkamah Majistret di sini hari ini pada pukul 9.10 pagi dengan berbaju reman SPRM. Semalam, suspek tersebut ditahan pada kira-kira pukul 5 petang di Ibu Pejabat SPRM di sini ketika hadir memberi keterangan.

Menurut sumber, siasatan awal mendapati lelaki terbabit dipercayai menerima jam tangan mewah itu sebagai dorongan membolehkan sebuah syarikat pembangunan menda-



SETIAUSAHA Politik kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang didakwa menerima suapan berbentuk jam tangan bernilai RM28,000 dibawa untuk perintah tahanan reman di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFOP

Timbalan Ketua Pesuruhjaya kan penahanan tersebut dengan

KERATAN akhbar Utusan Malaysia hari ini mengenai penahanan seorang setiausaha politik berhubung siasatan menerima suapan jam yang dianggarkan bernilai RM28,000.

PUTRAJAYA 4 April - Setiausaha Politik kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang direman berhubung dakwaan menerima suapan berbentuk jam tangan dianggarkan bernilai RM28,000 dibebaskan oleh Mahkamah Majistret di sini hari ini.

Suspek berusia 47 tahun itu yang sebelum ini direman selama empat hari sejak kelmarin mendapat perintah bebas reman daripada Majistret Noraisyah Mohd. Yusof dengan jaminan RM10,000 bersama seorang penjamin.

Tempoh reman lelaki itu sepatutnya berakhir esok, namun dibebaskan sehari lebih awal iaitu pada hari ini.

Terdahulu, lelaki itu tiba di Mahkamah Majistret di sini pada pukul 9 pagi ini.

Menurut sumber, siasatan awal mendapati lelaki terbabit dipercayai menerima jam tangan mewah itu sebagai dorongan membolehkan sebuah syarikat pembangunan mendapatkan projek-projek di bawah kelolaan kementerian terlibat.

Pada Isnin lalu, suspek ditahan pada kira-kira pukul 5 petang di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini ketika hadir memberi keterangan.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki yang mengesahkan penahanan tersebut untuk siasatan dijalankan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.

Dalam pada itu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub dalam kenyataan sebelum ini juga mengesahkan Setiausaha Politik beliau telah ditahan oleh pihak SPRM untuk siasatan.

Tegasnya, beliau tidak akan campur tangan berhubung penahanan itu di samping akan membiarkan perkara tersebut diadili oleh undang-undang dan Setiausaha Politiknya juga sama seperti rakyat Malaysia lain iaitu tertakluk kepada undang-undang.

Menurutnya lagi, beliau berpegang teguh kepada prinsip keluhuran undang-undang serta yakin dan percaya bahawa SPRM akan menyiasat kes itu dengan adil dan bebas.

5. SPRM Cawangan Klang kesan lelaki berhubung tuntutan palsu

KLANG 5 April - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Cawangan Klang mengesan seorang lelaki bagi membantu siasatan berkenaan kes membuat tuntutan palsu kawalan keselamatan.



JARID@JERID JIRAL dikehendaki SPRM bagi membantu siasatan kes tuntutan palsu.

SPRM dalam kenyataannya berkata, lelaki terbabit yang dikesan ialah Jarid @ Jerid Jiral berusia 45 tahun.

"Lelaki terbabit merupakan Ketua Pegawai Keselamatan dicari bagi membantu berhubung siasatan tuntutan palsu kawalan keselamatan di Sekolah Kebangsaan Klang pada 2018.

"Alamat terakhir di Pangsapuri Nilam Sari, Seksyen 7, Shah Alam. Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai lelaki tersebut diminta menghubungi Penolong Penguasa, Muhamad Jais Sulaiman di talian 03-33715080 atau 016-8024814," katanya.

6. Bekas Penolong Eksekutif Felcra Changkat Jong direman



BEKAS Penolong Eksekutif Felcra Urus Estet Changkat Jong dibawa keluar dari Mahkamah Majistret Ipoh hari ini selepas direman kerana dipercayai menyalah guna kuasa bagi mendapatkan pemilikan 13 lot tanah di bawah Projek Tanah Milik Felcra Berhad.

IPOH 5 April - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman seorang bekas Penolong Eksekutif Felcra Urus Estet Changkat Jong selepas dipercayai menyalah guna kuasa bagi mendapatkan pemilikan 13 lot tanah di bawah Projek Tanah Milik Felcra Berhad.

Perintah reman selama empat hari bermula hari ini terhadap suspek berusia 56 tahun itu dikeluarkan oleh Penolong Pendaftar Azuratul Akmar Abdul Ghafar di sini hari ini.

Terdahulu, suspek yang berpakaian lokap SPRM dibawa ke Mahkamah Majistret Ipoh dengan diiringi para pegawai kira-kira pukul 11.45 pagi.

Suspek yang ditangkap selepas memberikan keterangan di SPRM Perak pada pukul 11.17 malam semalam, ditahan reman bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 17 (a) dan 23 Akta SPRM 2009.

7. Tuntutan palsu: Pengarah Bahagian JPNIN, 3 direman



DUA daripada empat suspek ditahan reman bagi membantu siasatan membuat tuntutan palsu di Mahkamah Majistret Johor Bahru, sebentar tadi.

JOHOR BAHRU 9 April - Pengarah Bahagian di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Batu Pahat dan anak lelakinya ditahan reman lima hari oleh Mahkamah Majistret di sini sebentar tadi bagi membantu siasatan kes membuat tuntutan palsu lebih RM100,000.

Perintah reman terhadap kedua-dua mereka dikeluarkan Penolong Pendaftar Mahkamah, Faridatul Farrah Mohd Shukri yang mengarahkan kedua-dua mereka direman sehingga Sabtu ini.

Pengarah berkenaan yang berusia lingkungan 50-an bersama-sama anak lelakinya tiba di perkarangan Kompleks Mahkamah di sini pada pukul 9 pagi.

Semalam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pengarah bahagian jabatan kerajaan, penjawat awam dan dua orang awam kerana bersubahat membuat tuntutan palsu berjumlah lebih RM100,000.

Mengikut sumber SPRM, hasil siasatan dijalankan mendapati kesemua mereka bersubahat membuat tuntutan palsu kepada jabatan itu berjumlah lebih RM100,000.

Katanya, tuntutan itu dibuat bagi program kemasyarakatan yang membabitkan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di sekitar daerah dalam Johor yang mana kerja pembekalan program berkenaan tidak dilaksanakan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 dan boleh dikenakan hukuman denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 mana yang tinggi dan penjara tidak melebihi 20 tahun, jika sabit kesalahan.

8. Pembantu kesihatan mengaku tidak bersalah tipu OT

BUTTERWORTH 10 April - Seorang pembantu perawatan Klinik Kesihatan Teluk Bahang, Balik Pulau dekat sini mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah di sini pagi tadi atas enam pertuduhan membuat tuntutan kerja lebih masa palsu pada 2017.

Tertuduh, Zamri Yahaya, 52, membuat pengakuan itu dan meminta dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Nizam Zakaria.

Mengikut kesemua pertuduhan, Zamri yang merupakan ejen kerajaan Malaysia iaitu pembantu perawatan kesihatan didakwa mempergunakan dengan niat memperdaya wakil prinsipal iaitu Pejabat Kesihatan Daerah Barat Daya dengan dokumen tuntutan elaun lebih masa.

Jumlah tuntutan bagi kesemua pertuduhan itu adalah sebanyak RM3,134.67 dan dia didakwa melakukan kesalahan tersebut antara Februari hingga Julai 2017 bagi tuntutan yang dibuat untuk bulan Januari hingga Jun 2017.

Zamri didakwa mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24 Akta sama.

Jika sabit kesalahan, dia boleh dipenjarakan tidak lebih 20 tahun dan denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Azlan Basri manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Dalam pada itu, Azlan memohon mahkamah mengenakan ikat jamin sebanyak RM10,000 bagi setiap pertuduhan memandangkan kesalahan itu dianggap serius.

Tertuduh bagaimanapun meminta mahkamah meringankan jaminan memandangkan dia menyara tiga anak berusia antara 16 hingga 27 tahun yang tidak bekerja, seorang isteri, ibu berusia 81 tahun dan kakak golongan orang kurang upaya (OKU) berusia 54 tahun dengan pendapatan bersih RM1,800 sebulan.

Hakim kemudiannya membenarkan tertuduh diikat jamin keseluruhan berjumlah RM6,000 beserta seorang penjamin dan kes akan disebut semula pada 12 Jun ini.

9. Tuntutan palsu RM261,000, penolong pengurus direman



SEORANG penolong pengurus sebuah syarikat kontraktor direman selama enam hari kerana mengemukakan tuntutan palsu bernilai RM261,000 pada 2017

KUALA TERENGGANU 10 April - Seorang penolong pengurus sebuah syarikat kontraktor direman selama enam hari bermula hari ini bagi membantu siasatan berhubung kes tuntutan palsu bernilai RM261,000 pada 2017.

Perintah reman dikeluarkan oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Sesyen / Majistret Kuala Terengganu, Wan Aziantie Wan Ab. Karim @ Isa di sini hari ini.

Suspek berusia 27 tahun itu ditahan ketika dipanggil memberi keterangan berhubung kes terbabit di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) cawangan Terengganu di sini pukul 4.30 petang semalam.

Suspek dikatakan mengemukakan tuntutan palsu berhubung kerja-kerja membekal, memasang, menyusun dan menguji peralatan pancaragam di salah sebuah sekolah di daerah ini yang bernilai RM261,000.

Bagaimanapun, kerja-kerja pembekalan tersebut dibuat tidak mengikut spesifikasi ditetapkan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

10. Ambil rasuah untuk bercuti bersama rakan

JOHOR BAHRU 11 April - Mahkamah Sesyen di sini semalam menjatuhkan hukuman penjara 14 hari dan denda RM15,000 terhadap seorang Penolong Pegawai Belia dan Sukan kerana menerima rasuah daripada sebuah syarikat pembekal pada Oktober 2015.

Tertuduh, Norhayati Iskar, 37, yang bertugas di Pejabat Belia dan Sukan Segamat, mengaku bersalah sejurus selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Kamarudin Kamsun.



NORHAYATI ISKAR (tengah) dibawa ke Mahkamah Sesyen atas tuduhan menerima rasuah RM10,000 daripada sebuah syarikat pembekal pada Oktober 2015 di Johor Bahru, kelmarin

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menerima rasuah berjumlah RM10,000 tanpa balasan daripada pemilik Syarikat SA Affandi Enterprise, Syed Azrol Affandi Syed Rahmad yang merupakan pembekal perkhidmatan bagi 'Liga Sukan Untuk Semua Daerah Segamat 2015' di Pejabat Belia dan Sukan daerah itu pada Oktober 2015.

Pertuduhan terhadapnya dikemukakan oleh Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Yunus Mohamed mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, tertuduh meminta RM10,000 wang pendahuluan bagi menjalankan program yang akan dijalankan pada bulan Oktober 2015 daripada syarikat pembekal dan menggunakannya untuk bercuti di Kundasang, Sabah bersama-sama rakannya.

Terdahulu, tertuduh yang tidak diwakili peguam memohon agar mahkamah meringankan hukuman dengan alasan dirinya sudah insaf dan mahu menjadi manusia yang baik.

Kamarudin selepas menjatuhkan hukuman tersebut turut memerintahkan hukuman penjara Norhayati ditambah lagi setahun sekiranya wanita itu gagal membayar denda.

11. Dua direman seleweg peruntukan Sukma 2018

IPOH 11 April - Seorang penjawat awam dan seorang pengurus syarikat pengurusan acara direman bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung dakwaan penyelewengan peruntukan kerajaan negeri bernilai RM3.5 juta semasa temasya Sukan Malaysia (Sukma) Perak 2018.

Perintah tahanan reman selama enam dan lima hari bermula hari ini terhadap suspek berusia 44 dan 39 tahun itu dikeluarkan oleh Majistret Nur Melati Diana Abdul Wahab di Mahkamah Majistret di sini.

Terdahulu, kesemua suspek hadir di pekarangan mahkamah kira-kira pukul 11.05 pagi dengan berpakaian lokap SPRM.

Mereka ditahan kira-kira pukul 4.30 petang di pejabat SPRM Perak semalam bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 17 (a) dan Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Menurut sumber, penjawat awam tersebut juga dikatakan menerima rasuah berjumlah melebihi RM165,000 daripada pembekal-pembekal yang dipilih untuk pembekalan dan sewaan bagi acara Sukma 2018

12. Selepas penolong pengurus direman, sub kontraktor pula direman hari ini

KUALA TERENGGANU 11 April - Selepas penahanan seorang penolong pengurus dan direman semalam bagi membantu siasatan kes tuntutan palsu bernilai RM261,000, hari ini seorang sub kontraktor turut ditahan reman.

Suspek yang berusia 44 tahun itu dikenakan tahanan reman selama lima hari bermula hari ini.

Perintah reman dikeluarkan oleh Penolong Pendaftar, Rosila Nik dan suspek kemudian dibawa ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu untuk tindakan lanjut.

Sub kontraktor terbabit ditahan pukul 3.30 petang semalam ketika dipanggil memberi keterangan di Pejabat SPRM Terengganu.

Semalam, seorang penolong pengurus sebuah syarikat kontraktor berusia 27 tahun direman enam hari mulai semalam bagi membantu siasatan berhubung kes tuntutan palsu bernilai RM261,000 dua tahun lalu.

Suspek yang ditahan di Pejabat SPRM Terengganu kelmarin dikatakan mengemukakan tuntutan palsu berhubung kerja membekal, memasang, menyusun dan menguji peralatan pancaragam sekolah atau brassband di sebuah sekolah di daerah ini bernilai RM261,000

13. Rasuah rumah urut: Bekas pegawai MPKj didakwa

SHAH ALAM 11 April - Bekas pembantu penguatkuasa Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tiga tuduhan rasuah berhubung lesen rumah urut, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Shah Rizal Ismail Basha, 40, didakwa meminta suapan wang tunai berjumlah RM10,000 daripada seorang individu sebagai dorongan bagi membantu mendapatkan lesen rumah urut kepada syarikat JJ Harmony Spa.

Bagaimanapun Shah Rizal yang kini menganggur mengaku tidak bersalah atas semua pertuduhan selepas ia dibacakan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Bagi dua pertuduhan lain, tertuduh juga didakwa menerima suapan daripada individu sama bagi tujuan sama dengan kesemua kesalahan itu dilakukan di syarikat JJ Harmony Spa, di Taman Anggerik Perdana, Semenyih, antara 12 Mei hingga 6 Jun 2016.

Justeru, dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 16(a)(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang memperuntuk penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa SPRM, Michael Joimin yang mengendalikan kes menawarkan jaminan berjumlah RM50,000 dan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Shah Rizal yang tidak diwakili peguam bagaimanapun memohon pengurangan dengan alasan dia mempunyai tanggungan seorang isteri, ibu dan dua anak.

Rozilah kemudian membenarkan tertuduh dijamin RM30,000 dengan seorang penjamin dan pasport diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 30 April depan.

14. Dua didakwa terima suapan

SHAH ALAM 11 April - Seorang bekas pembantu penguat kuasa Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan seorang pembantu tadbir Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) masing-masing mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas empat pertuduhan meminta dan menerima suapan wang tunai berhubung kegiatan rumah urut.

Shah Rizal Ismail Basha, 40, dan Qairul Redza Mohd. Hadzri, 35, masing-masing membuat pengakuan tersebut selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Shah Rizal didakwa meminta suapan wang tunai berjumlah RM10,000 daripada seorang individu sebagai dorongan bagi membantu mendapatkan lesen rumah urut kepada syarikat JJ Harmony Spa.

Bagi dua pertuduhan lain, tertuduh didakwa menerima suapan daripada individu sama bagi tujuan sama dengan kesemua kesalahan itu dilakukan di syarikat JJ Harmony Spa, di Taman Anggerik Perdana, Semenyih, antara 12 Mei hingga 6 Jun 2016.

Justeru, dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 16(a)(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang memperuntuk hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa SPRM, Michael Joimin yang mengendalikan kes mencadangkan jaminan berjumlah RM50,000 dan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Shah Rizal yang tidak diwakili peguam pula memohon pengurangan dengan alasan dia mempunyai tanggungan seorang isteri, ibu dan dua anak.

Sementara itu, Qairul Redza didakwa secara rasuah memperoleh satu suapan wang tunai berjumlah RM1,500 daripada Gilbert Juin anak Danu, 37, sebagai dorongan untuk tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap sebuah rumah urut di Platinum Walk, Setapak Kuala Lumpur.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan tersebut di sebuah restoran di Ampang Point, Taman Dato Razali, Ampang, Selangor kira-kira pukul 10 malam pada 28 Mei tahun lalu.

Qairul Redza yang juga pembantu tadbir di Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja Unit Penyelenggaraan, DBKL didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Tertuduh bakal berdepan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika disabitkan bersalah.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Hazirah Azeman memohon tertuduh diikat jamin sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin, bagaimanapun, peguam mewakili Mohd. Firdaus Ahmad yang mewakili Qairul Redza memohon jumlah itu dikurangkan serta meminta mahkamah membenarkan kes tersebut dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur berikutan tertuduh turut menghadapi lima pertuduhan di sana.

Rozilah kemudian membenarkan kedua-dua tertuduh dijamin RM30,000 dan RM5,000 masing-masing dengan seorang penjamin dan pasport diserahkan kepada mahkamah hingga kes selesai selain menetapkan 30 April ini untuk sebutan kes.

15. Timbalan pendaftar universiti, pensyarah kolej, pengarah syarikat direman



SEORANG timbalan pendaftar sebuah universiti awam, pensyarah kolej komuniti dan pengarah sebuah syarikat swasta direman lima hari bermula hari ini bagi membantu siasatan berhubung kes tuntutan palsu bernilai RM689,000 di Mahkamah Sesyen, Johor Bahru, Johor, sebentar tadi.

JOHOR BAHRU 16 April - Seorang timbalan pendaftar sebuah universiti awam di negeri ini bersama-sama pensyarah kolej komuniti dan pengarah sebuah syarikat swasta direman lima hari bermula hari ini bagi membantu siasatan berhubung kes tuntutan palsu bernilai RM689,000.

Perintah tahanan reman dikeluarkan Penolong Pendaftar Mahkamah, Faridatul Farrah Mohd Shukri selepas membenarkan permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan.

Terdahulu, SPRM menerusi satu kenyataan berkata, kesemua suspek berusia 40 hingga 50 tahun ditahan kira-kira 2.30 petang semalam selepas hadir memberi keterangan di pejabat SPRM negeri Johor di sini.

Menurut kenyataan itu, mereka disyaki bersubahat mengemukakan tuntutan palsu kepada sebuah universiti awam berkaitan perbelanjaan program Dana Kebolehpasaran Graduan (GE) berjumlah RM689,000, sedangkan program terbabit tidak dilaksanakan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 mana yang tinggi dan penjara sehingga 20 tahun.

16. Pengerusi sebuah koperasi Perlis bersama dua individu ditahan kes tuntutan palsu



TIGA individu dibawa bagi mendapatkan perintah tahanan reman bagi membantu siasatan kes tuntutan palsu bernilai RM90,000 yang tidak wujud di Mahkamah Kangar, Perlis, hari ini.

KANGAR 16 April - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri menahan Pengerusi Koperasi Anggota Kerajaan dan Swasta Perlis semalam, bagi membantu siasatan berkaitan kes tuntutan palsu yang melibatkan penganjuran sebuah program dianggarkan bernilai RM90,000 yang sebenarnya tidak wujud.

Lelaki berusia 68 tahun itu ditahan kira-kira pukul 6 petang di pejabat agensi berkenaan di sini.

Turut ditahan bagi membantu siasatan kes berkenaan ialah Ahli Lembaga Pengarah koperasi itu berusia 61 tahun dan seorang pemilik sebuah syarikat swasta berusia 45 tahun.

Kedua-dua mereka masing-masing juga ditahan di pejabat SPRM negeri, kira-kira pukul 6.50 dan 6.55 petang.

Pengarah SPRM negeri, Mohd. Shukor Mahmud berkata, individu pertama yang berusia 68 tahun itu didakwa menggunakan jawatannya sebagai pengerusi sebuah koperasi dan bersubahat bersama dua lagi untuk membuat tuntutan palsu ke atas agensi itu bagi mendapatkan dana berjumlah RM90,000 untuk penganjuran sebuah program pembangunan jati diri, tahun lalu.

"Program itu sepatutnya berlangsung beberapa hari sebelum Pilihan Raya Umum ke 14 (PRU-14) dan turut membabitkan tiga pejabat Ahli Parlimen di negeri ini namun ia tidak dilaksanakan," katanya di sini, hari ini.

Sementara itu, ketiga-tiga individu tersebut direman selama lima hari bermula hari ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 8 Akta SPRM 2009.

Perintah reman itu dikeluarkan oleh Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kangar, Nurul Hafzan Ab. Aziz kira-kira pukul 1 petang ini.

17. Perbicaraan hari keempat Najib Razak



KUALA LUMPUR 17 April - Perbicaraan hari keempat bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang didakwa atas tujuh pertuduhan salah guna jawatan, pecah amanah dan menerima hasil aktiviti haram berjumlah RM42 juta membabitkan dana syarikat SRC International Sdn. Bhd.

Ikuti laporan langsung perbicaraan dari Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur oleh wartawan SUWARNI MOKHTAR, HANIZA HASSAN dan FARABI SAID AL JABRI serta jurugambar AMIR KHALID

5.03 petang:

Perbicaraan bersambung esok pukul 9 pagi.

4.30 petang:

Saksi memaklumkan bertemu dengan dua pegawai bank dengan salah seorangnya bernama Joanna Yu ketika melakukan serbuan di bangunan Ambank pada 6 Julai 2015.

WSJ sebelum ini pernah mendedahkan transkrip mesej didakwa antara Jho Low dan pegawai bank yang bernama Joanna Yu berhubung memasukkan sejumlah wang yang dirahsiakan ke dalam Ambank.

Ahmad Farhan menyatakan beliau pernah bertemu Joanna sebelum serbuan iaitu sekitar bulan Mei ketika merakam keterangan wanita itu.

Malah, saksi juga menyatakan beliau tidak mengetahui sama ada wanita itu mempunyai hubungan dengan Jho Low atau tidak.

3.15 petang:

Perbicaraan bersambung dengan sesi pemeriksaan balas oleh peguam Harvinderjit Singh yang mewakili Datuk Seri Najib Tun Razak.

Saksi pendakwaan keempat menyatakan terdapat taklimat antara beliau dan pengarah jabatannya dikenali sebagai Abdul Rahman Abu Bakar sebelum serbuan dilakukan.

Dalam sesi taklimat itu, Abdul Rahman memberinya senarai akaun dan mengarahkan beliau untuk membuat pemeriksaan.

Sebahagian daripada senarai akaun itu adalah milik Najib.

2.50 petang:



Saksi keempat pendakwaan, Pegawai Bank Negara, Ahmad Farhan Sharifudin (kiri) diiringi saksi ketiga, Pegawai Bank Negara, Mohammad Nizam Yahya (kanan) tiba di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur bagi menghadiri dan memberi keterangan perbicaraan hari keempat kes SRC International Sdn. Bhd di sini hari ini.

12.45 tengah hari:

Mahkamah berhenti rehat dan akan bersambung pada pukul 2 petang ini.

12.30 tengah hari:

Saksi sama turut memaklumkan ada menerima permohonan dari SPRM pada 30 Mei 2018 untuk kemukakan beberapa dokumen dalam simpanannya.

12.25 tengah hari:

Saksi keempat pendakwaan, Pengurus Bank Negara Malaysia (BNM), Ahmad Farhan Sharifuddin memaklumkan penggeledahan yang dilakukan di Ambank cawangan Jalan Raja Chulan oleh pegawai BNM pada 6 Julai 2015, dibuat atas arahan Pengarah Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan BNM.

Arahan tersebut adalah supaya pihaknya menjalankan siasatan terhadap Ambank Group bagi suatu kesalahan yang disyaki di bawah Bahagian 4 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.

12.00 tengah hari:

Saksi keempat pendakwaan, Ahmad Farhan Sharifudin dari Bank Negara Malaysia dipanggil memberi keterangan.

10.55 pagi:

Mahkamah berhenti bersidang untuk lima minit.

10.30 pagi

Azizul Adzani mengakui membuat pendapat sendiri dengan mengklasifikasikan siasatan di bawah Seksyen 4 (1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan selepas melihat dokumen-dokumen yang dirampas dalam serbuan di Ambank Jalan Raja Chulan pada 6 Julai 2015.

Saksi bagaimanapun menafikan menerima taklimat dari pihak tertentu supaya memberikan keterangan tidak benar dalam perbicaraan ini.

10.15 pagi

Pihak pendakwaan dan pembelaan sedang bertikam lidah berhubung cara pemeriksaan semula dijalankan terhadap saksi kedua pendakwaan.

Peguam bela, Harvinderjit Singh menyatakan, pihak pendakwaan tidak boleh membuat pemeriksaan semula dengan bertanyakan perkara yang tidak ditimbulkan pada soalan balas.

Peguam Negara, Tommy Thomas menegaskan pihak pendakwaan mempunyai cara tersendiri dalam mengendalikan pemeriksaan semula dan hanya ingin mempercepatkan proses bertanya soalan.

9.45 pagi:



Perbicaraan bermula dengan saksi kedua pendakwaan, Pengurus Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan BNM, Azizul Adzani Abdul Ghafar menyambung keterangan.

9.10 pagi:



Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tiba di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur pada pukul 9.06 pagi ini.

8.55 pagi:



Lebih 40 orang dari Wanita UMNO dari Bahagian Pekan Pahang hadir ke Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur sejak awal pagi lagi bagi menyambut kehadiran bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang menghadiri perbicaraan hari keempat kes SRC International Sdn. Bhd. hari ini.

8.50 pagi:

Sebuah bas dipercayai membawa penyokong Ahli Parlimen Pekan tiba di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur untuk mengikuti perkembangan terkini perbicaraan dan memberi sokongan.

18. Rasuah dalam konteks perolehan

SKANDAL air Sabah yang dibongkarkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 2016 membuktikan rasuah dalam perolehan kerajaan adalah serius dan perlu diberikan perhatian sewajarnya.

Bermula dengan amalan komisen dua ke tiga peratus daripada jumlah projek sehingga membawa kepada pengumpulan ratusan juta ringgit membuktikan rasuah yang dianggap petty corruption boleh menjadi grand corruption.

Petty corruption yang dikenali jenayah bersifat kecil dengan penglibatan seorang dua pegawai dan sebuah syarikat kontraktor jika dibiarkan boleh menjadi lebih besar dari segi penglibatan pegawai dan syarikat-syarikat terlibat serta jumlah suapan yang jauh lebih tinggi. Ini yang dinamakan grand corruption.

Apabila rasuah menjadi budaya dalam sesebuah organisasi, projek-projek dimonopoli oleh beberapa syarikat kroni sahaja, peluang syarikat lain tertutup.

Mereka yang terlibat pula terdiri daripada ketua jabatan, bahagian perolehan, bahagian teknikal, kewangan sehinggalah jurutera yang mengawal di peringkat daerah.

Komisen yang diterima bertambah daripada dua peratus kepada enam peratus hanya untuk menampung jumlah pegawai yang terlibat.

Bagaimanapun, pendedahan demi pendedahan yang dilakukan oleh SPRM berhubung rasuah dalam aspek perolehan ini, sedikitpun tidak mengusarkan pelaku-pelakunya.

Ia kerana sifat jenayah rasuah itu sendiri iaitu kedua-dua pihak sama ada pemberi atau penerima, masing-masing mendapat faedah.

Pelbagai pendekatan pencegahan diperkenalkan termasuk menandatangani Ikrar Bebas Rasuah, Integrity Pact dan sebagainya seolah-olah kurang berkesan untuk mencegah jenayah rasuah daripada berkurangan.

Walaupun Kementerian Kewangan telah mengeluarkan pekeliling berhubung tatacara perolehan kerajaan menerusi proses sebut harga dan tender, namun prinsip rules are made to be broken menjadi amalan pihak-pihak terlibat.

Peraturan dimanipulasi atas kreativiti manusia. Proses dan prosedur tender dipatuhi sepenuhnya, namun manipulasi dibuat dengan membocorkan harga tender kepada syarikat yang berkepentingan.

Terdapat segelintir pegawai yang mengambil jalan mudah dengan berbincang di peringkat awal penyediaan spesifikasi bagi projek-projek bersifat teknikal.

Akhirnya syarikat yang membantu membangunkan spesifikasi itulah yang mempunyai kelebihan untuk membolot projek berkenaan. Di manakah ketelusan dan keadilan dalam proses tender sebegini?

Diburukkan lagi bilamana campur tangan politik dalam proses-proses perolehan.

Peranan surat sokongan, campur tangan pegawai-pegawai menteri seperti setiausaha politik, setiausaha sulit kanan dan pegawai khas membuatkan proses perolehan menjadi rumit serta berpaksi kepada siapa paling berpengaruh.

Terdapat juga segelintir agensi yang mengambil kesempatan ke atas projek-projek yang dikategorikan sebagai kecemasan atau darurat.

Sebagai contoh pembangunan semula akibat kesan alam sekitar seperti tanah runtuh atau banjir besar.

Atas alasan tindakan segera, projek kecemasan atau darurat ini digunakan sebagai alasan untuk tidak mengikut prosedur yang ditetapkan dan ia diberikan kepada kontraktor-kontraktor kroni.

Rasuah dan monopoli dalam sektor perolehan ini bukan hanya berlaku dalam agensi-agensi kerajaan. Malah ia juga berleluasa dalam syarikat-syarikat milik kerajaan dan swasta.

Kesannya, harga projek akan melambung dan kualiti serta spesifikasi projek berkurangan. Ini semua bagi menampung kos bayaran rasuah kepada pihak-pihak terbabit.

Mana ada syarikat yang mahu rugi dalam perniagaan. Jika jumlah dua peratus hingga enam peratus diminta sebagai 'pelincir' maka jumlah keuntungan akan berkurangan.

Bagi mengatasi masalah ini, adakala harga siling projek dinaikkan atau spesifikasi projek dikurangkan. Semuanya bagi menampung rasuah yang terpaksa dibayar.

Selain itu, konsep payung ala ali baba begitu berleluasa dalam sistem perolehan di mana sebuah syarikat yang memegang lesen lain-lain syarikat dalam projek-projek G1 (Kelas F) merupakan antara faktor utama kenapa rasuah merebak dalam sektor ini.

Lesen-lesen ini digunakan untuk memenuhi syarat perolehan di mana sekurang-kurangnya lima kontraktor perlu memasuki sebut harga. Ini bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

Akhirnya projek-projek dimonopoli dan dilaksanakan oleh kontraktor yang sama. Pemegang-pemegang lesen dibayar saguhati iaitu dua % daripada keuntungan projek.

Sikap ketua jabatan yang tamak dan ingin mengaut keuntungan mudah membuatkan projek-projek agensi diserahkan kepada kroni.

Ada yang lebih daring apabila projek diberikan kepada isteri, anak mahupun saudara mara.

Pendedahan Utusan Malaysia semalam bertajuk Kontraktor Sengsara perlu diambil iktibar dan Kementerian Kewangan wajar melaksana langkah drastik.

Terlalu banyak faktor penyebab rasuah yang boleh didedahkan. Walaupun pelbagai kaedah termasuk penggunaan sistem e-bidding digunakan, namun permasalahan ini terus berkembang.

Pembersihan terhadap syarikat pemegang-pemegang lesen kontraktor ini perlu dibuat bagi menghentikan syarikat-syarikat tidak berkeelayakan dan menjual projek yang diperoleh untuk mengelakkan salah guna berlaku.

Syarikat-syarikat yang terlibat dengan rasuah perlu disenaraihitam. Begitu juga dengan individu yang memiliki syarikat tersebut juga perlu disenaraihitamkan.

Tindakan senarai hitam daripada memasuki apa jua sebut harga dan tender kerajaan perlu dibuat secara tegas.

Tidak hanya melepas batuk di tangga dan langsung tidak memberikan kesan deterrent kepada pihak terlibat.

19. Lans koperal dihukum penjara, denda dan sebat salah guna kad minyak



LANS Koperal Mohd. Nur Baderyshah Matasum menutup muka ketika diiringi anggota Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia selepas dijatuhi hukuman penjara, denda dan sebat kerana menyalahgunakan kad minyak PDRM, di pekarangan Mahkamah Sesyen Melaka di Ayer Keroh, sebentar tadi

MELAKA 17 April - Seorang anggota polis berpangkat lans koperal dijatuhi hukuman penjara lapan bulan, denda RM92,000 serta tujuh sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini sebentar tadi selepas mengaku bersalah atas dakwaan menyalahgunakan kad minyak milik Polis Diraja Malaysia (PDRM) bernilai RM90,422.90, dua tahun lalu.

Mohd. Nur Baderyshah Matasum, 34, membuat pengakuan itu sebaik sahaja pertuduhan dibacakan secara berasingan oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Datuk Mohd. Nasir Nordin.

Mengikut pertuduhan pertama sehingga ketujuh, tertuduh didakwa dengan curang telah menyalahgunakan harta iaitu Kad Inden Minyak Petrol Kenderaan Rasmi PDRM dan Kad Smart Pay bagi mendapatkan wang tunai berjumlah RM90,422.90.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh di stesen minyak Petronas Kelemak dalam daerah Alor Gajah antara 1 Mac hingga 30 September 2017.

Bagi perbuatan itu, tertuduh boleh dikenakan hukuman maksimum lima tahun penjara dan dengan sebat dan hendaklah dikenakan denda mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan.

Terdahulu, tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu hukuman lebih ringan ke atasnya atas alasan perbuatan itu merupakan kesalahan pertama selain perlu menanggung seorang isteri serta lima anak berusia tiga bulan hingga sembilan tahun.

"Saya menggunakan wang itu untuk menanggung rawatan ibu yang sakit di Sarawak dan selalu berulang-alik ke Sarawak selain turut menanggung bapa yang sudah tua malah saya sendiri menghidap sakit bengkok hati dan sedang mendapatkan rawatan," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Irwan Shah Abdul Samat yang mengendalikan kes bagaimanapun meminta mahkamah menjatuhkan hukuman berat memandangkan tertuduh adalah anggota keselamatan yang seharusnya melindungi orang awam dan bukannya menyalahgunakan kuasa demi kepentingan diri.

"Kesalahan yang dilakukan tertuduh juga adalah serius malah ia dilakukan berulang kali hingga dapat mengumpul lebih RM90,000 daripada orang awam. Saya mohon hukuman berat demi mencerminkan keseriusan kesalahan tertuduh," katanya.

20. Dua ditahan terlibat kes tuntutan palsu berjumlah RM165,834

KUALA LUMPUR 21 April- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini menahan dua individu dipercayai terlibat dalam rasuah serta pecah amanah berhubung tuntutan palsu berjumlah RM165,834 pada 2013.

Menurut sumber, kedua-dua suspek berusia 47 dan 57 tahun itu ditahan antara pukul 11.15 dan 11.30 pagi ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya di sini.

Sumber berkata, suspek pertama berusia 57 tahun merupakan bekas Pengarah Bahagian Hubungan Industri, Pengesanan Graduan dan Alumni di Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Kementerian Pelajaran Malaysia manakala seorang lagi suspek berusia 47 tahun adalah pemilik syarikat berkaitan minyak dan gas.

"Hasil siasatan SPRM mendapati kedua-dua suspek telah bersubahat mengemukakan tuntutan palsu kepada Jabatan Pengajian, Kolej Komuniti, Kementerian Pelajaran Malaysia berkaitan tiga program Skim Kemahiran dan Kerjaya 1Malaysia (SKK1M) serta satu program kolaborasi strategik.

"Bagaimanapun, empat program itu sebenarnya tidak dijalankan. Kedua-dua suspek akan dituduh esok di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur," katanya di sini hari ini.

Dalam pada itu, menurut sumber, suspek pertama akan dituduh di bawah Seksyen 28 (1)(c) Akta SPRM 2009 kerana dipercayai bersubahat dalam tuntutan dikemukakan.

Jelas sumber, pemilik syarikat minyak dan gas pula akan berdepan dengan empat pertuduhan di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.-

21. SPRM rayu keputusan pembebasan Abdul Latif



BEKAS Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Abdul Latif Bandi (tengah) dan anaknya, Ahmad Fauzan Hatim (kanan) serta perunding hartanah, Amir Shariffuddin Abd. Raub (kiri) dilepas dan dibebaskan daripada semua 37 pertuduhan rasuah pada 2017 di Mahkamah Sesyen, hari ini.

PUTRAJAYA 21 April - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan mengemukakan rayuan ke Mahkamah Tinggi berhubung keputusan pembebasan Datuk Abdul Latif Bandi dan anaknya serta perunding hartanah daripada 37 pertuduhan rasuah.

SPRM dalam kenyataan memaklumkan, perkara itu diputuskan daripada hasil perbincangan bersama Timbalan Pendakwa Raya.



"Tindakan tersebut akan dilakukan sebelum tempoh 14 hari seperti yang telah ditetapkan oleh mahkamah," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Mahkamah Sesyen Johor Bahru hari ini melepaskan dan membebas Abdul Latif, 69, yang juga bekas Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri dan anaknya, Ahmad Fauzan Hatim serta perunding hartanah, Amir Shariffuddin Abd. Raub daripada semua 37 pertuduhan rasuah pada 2017.

Ketiga-tiga mereka berdepan tuduhan mengikut Seksyen 32(8)(c) dan Seksyen 89 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLA) 2001.

Pada 19 April 2017, Abd. Latif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Endau, bersama-sama seorang perunding hartanah mengaku tidak bersalah terhadap 33 pertuduhan berasingan membabitkan nilai suapan RM30.3 juta di Mahkamah Sesyen di sini.

22.3 kakitangan JKR Kedah, kontraktor ditahan bantu siasatan tuntutan palsu



PEGAWAI Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membawa dua daripada tiga kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR) Kedah untuk direman bagi membantu siasatan kes tuntutan palsu berjumlah RM26,756 yang didakwa berlaku pada tahun lalu di Mahkamah Alor Setar di Kedah, hari ini.

ALOR SETAR 22 April - Tiga kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR) Kedah termasuk seorang jurutera awam kanan bersama seorang kontraktor ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki membuat dua tuntutan palsu program latihan yang tidak wujud, berjumlah lebih RM26,000, tahun lalu.

Keempat-empat mereka berusia antara 34 hingga 50 tahun itu ditahan semasa diambil keterangan di pejabat suruhanjaya tersebut di sini, antara pukul 6 hingga 6.30 petang, semalam.

Ketiga-tiga penjawat awam yang bertugas di Unit JKR Tentera Negeri Kedah di Sungai Petani dekat sini itu, kemudian direman di Mahkamah Majistret di sini, hari ini, bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Jurucakap SPRM berkata, kesemua individu terbabit disiasat terhadap dua tuntutan palsu, melibatkan perkhidmatan latihan kakitangan kursus pemasangan penyaman udara dan pengudaraan mekanikal (kediaman dan komersial ringan).

Katanya, tuntutan pertama berjumlah RM19,950 dan yang kedua, RM6,806.

"Jurutera itu berpakat dengan pemilik sebuah syarikat untuk membuat tuntutan terhadap program latihan yang tidak wujud pada Mei dan Oktober lalu.

"Dua lagi penjawat awam iaitu pembantu tadbir kewangan dan pembantu kemahiran pula bersubahat bersama pegawai tersebut," katanya.



Pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membawa kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR) Kedah dan seorang kontraktor untuk direman bagi membantu siasatan kes tuntutan palsu berjumlah RM26,756 yang didakwa berlaku pada tahun lalu di Mahkamah Alor Setar di Kedah, hari ini.

Dalam pada itu, perintah tahanan reman selama tujuh hari bermula hari ini dikeluarkan oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret di sini, Noor Lyana Ab. Rahim.

Pengarah SPRM negeri, Datuk Shaharom Nizam Abd. Manap mengesahkan penahanan berkenaan.

23. Suami, isteri direman salah guna kuasa



PASANGAN suami isteri direman selama enam dan lima hari bagi membantu siasatan kes salah guna kuasa di Mahkamah Majistret / Sesyen Kuala Terengganu di sini hari ini

KUALA TERENGGANU 29 April - Seorang penolong jurutera bersama isterinya masing-masing direman enam dan lima hari bagi membantu siasatan berhubung kes salah guna kuasa melibatkan projek antara tahun 2015 hingga 2018.

Perintah reman terhadap pasangan itu yang bermula hari ini dikeluarkan oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret / Sesyen Kuala Terengganu, Roszita Md. Saad di sini.

Lelaki berumur 42 tahun itu ditahan secara berasingan pada pukul 11.20 pagi di pejabatnya manakala isterinya ditahan ketika membuat keterangan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini pada pukul 5.55 petang, semalam.

Jurutera yang berkhidmat di sebuah agensi kerajaan di Hulu Terengganu itu dan isterinya disyaki menyalah gunakan lesen kontraktor milik kenalan mereka untuk mendapatkan projek-projek yang masih belum dianggarkan amaunnya.

Suspek dikatakan mempunyai kepentingan dalam menyelia dan mengesahkan kerja-kerja tersebut.

Kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

24. Bekas pegawai khas menteri direman tiga hari



BEKAS pegawai khas kepada bekas menteri yang ditahan disyaki menjadi dalang mengatur projek-projek di sebuah kementerian tiba di Mahkamah Majistret Putrajaya.

PUTRAJAYA 30 April - Seorang bekas pegawai khas kepada bekas menteri yang disyaki menjadi dalang mengatur projek-projek di sebuah kementerian termasuk pembekalan peralatan pesawat bernilai kira-kira RM1.8 juta direman tiga hari.

Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin memutuskan demikian terhadap lelaki itu sehingga Khamis ini bagi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan mengikut mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Terdahulu, suspek itu tiba di Mahkamah Majistret di sini hari ini pada pukul 9 pagi dengan berbaju lokap SPRM dan tangan bergari.

Menurut sumber, lelaki bergelar Datuk berusia 50 tahun tersebut ditahan kira-kira pada pukul 12 tengah hari semalam ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di sini.

Sumber berkata, siasatan awal mendapati suspek dikatakan telah menerima wang rasuah daripada beberapa syarikat kontraktor sebagai balasan mendapatkan projek pembekalan peralatan secara rundingan terus dengan sebuah kementerian.

"Ini termasuklah pembekalan peralatan pesawat yang dianggarkan bernilai kira-kira RM1.8 juta pada sekitar tahun 2017.

"SPRM juga sedang mengesan beberapa lagi individu dan syarikat pembekal di seluruh negara yang disyaki terlibat dengan individu tersebut," katanya.

25. Dua direman sahkan projek tidak ikut spesifikasi



KLANG 30 April - Mahkamah Majistret di sini hari ini membenarkan dua lelaki yang ditahan semalam bagi membantu siasatan berkaitan kes menerima suapan bernilai lebih RM180,000 empat tahun lalu direman selama lima hari.

Majistret Rosli Sulaiman memerintah bekas pengurus projek terbabit bersama pemilik sebuah syarikat itu direman bermula hari ini.

Kedua-dua individu yang masing-masing berusia 40 dan 44 tahun itu ditahan di Pejabat SPRM Selangor.

Mereka ditahan kira-kira pukul 5.20 petang semalam ketika hadir memberikan keterangan.

Menurut sumber, berdasarkan siasatan awal, bekas pengurus projek terbabit dipercayai telah menerima wang suapan daripada pemilik syarikat berkenaan antara 2015 hingga 2017.

"Wang suapan yang diterima adalah sebagai balasan mengesahkan kerja-kerja yang tidak menepati spesifikasi berhubung sebuah projek pembinaan gudang.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut.